

Husam sah bertanding di Putrajaya dalam usaha meroboh kubu kuat BN
Malaysian Insider
April 9, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 9 April — Pakatan Rakyat (PR) mula menggerakkan jentera mereka untuk merobohkan kubu kuat Barisan Nasional (BN) apabila PAS hari ini mengesahkan Datuk Husam Musa akan bertanding menentang Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansur di kerusi Parlimen Putrajaya.

Pengumuman yang dibuat Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Ibu Pejabat PAS sebentar tadi menyaksikan keyakinan PR semakin menebal untuk menawan kubu BN apabila meletakkan naib presiden mereka di bandar kerajaan itu.

"Saya mengumumkan Naib Presiden PAS, Datuk Husam Musa akan bertanding di Putrajaya," kata Abdul Hadi pada sidang media hari ini.

DAP juga sebelum ini telah meletakkan calon gergasi mereka Lim Kit Siang di kawasan Parlimen Gelang Patah dalam usaha menarik sokongan pengundi di kubu BN di Johor itu.

Mengakui menggalas tanggungjawab di kawasan berkenaan bukanlah tugas mudah, Husam dalam sidang medianya mengakui Putrajaya adalah kerusi yang sukar untuk ditawan kerana penyandang sekarang, yang juga merupakan Setiausaha Agung Umno adalah seorang tokoh yang hebat.

"Cengkaman dia di Putrajaya tentulah hebat, pengundinya ssangat kecil, kemudahan asas sudah amat baik dan tiada rungutan.

"Masalah di seperti kampung tiada untuk kawasan berkenaan," katanya kepada ketika sidang media, dan menambah, pengundi mungkin sudah berpuas hati dengan segala kelengkapan dan prasarana di kawasan pentadbiran kerajaan Pusat itu.

Mengakui kerusi Parlimen Putrajaya sangat sukar untuk dimenangnya, Husam bagaimanapun akur dengan keputusan kepimpinan parti apabila memutuskan beliau akan bertanding menentang Tengku Adnan.

"Kita akui kerusi itu sukar dimenangi selain Tengku Adnan. Beliau tokoh yang sangat hebat dan seorang pakar strategi, disebabkan itu beliau menjadi setiausaha agung Umno."

Beliau turut memberi amaran kepada petugas parti agar tidak memasang bendera dikawasan-kawasan utama kerana Putrajaya jelasnya adalah bandar protokol dan kawasan jalan-jalan dan bangunan utama tidak seharusnya dicemari poster dan bendera yang berlebihan.

"Kawasan kediaman itu tidak mengapa," katanya, yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Salur selepas Pilihan Raya 2008.

Selain Husam, naib presiden yang turut berpindah kawasan adalah Salahuddin Ayub yang akan bertanding di kerusi Parlimen Pulai, Johor - satu lagi kubu kuat Umno dan BN.

Salahuddin ketika sidang medianya selepas diumumkan Abdul Hadi berkata beliau akan memikul amanah itu walaupun sukar demi menyumbang kerusi kepada PR untuk menawan

Putrajaya.

"Putrajaya itu penting, kalau PR Johor tidak sumbang kerusi, PR tak mungkin akan sampai ke Putrajaya ... saya nak jadi penyumbang besar untuk parti sampai ke Putrajaya," katanya, yang meluahkan keyakinan pembangkang itu akan berjaya mnyumbangkan 12 kerusi Parlimen bagi mencapai matlamat mereka.

Salahuddin sebelum ini merupakan ahli Parlimen Kubang Krian.

Turut mengikut jejak langkah dua naib presiden itu adalah Timbalan Presiden, Mohamad Sabu yang bertanding di kerusi Parlimen Pendang.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Mat Sabu sebelum ini pernah bertanding di lapan kawasan, dan pada Pilihan Raya 2008 mewakili PAS bertanding di kerusi Kuala Terengganu.

Pemimpin tertinggi PAS yang lain bagaimanapun mengekalkan kawasan mereka dalam Pilihan Raya 2008 sebelum ini, apabila Naib Presiden, Datuk Mahfuz Omar kekal mempertahankan kerusi Parlimen Pokok Sena dan Presiden Abdul Hadi kekal di Parlimen Marang.

PAS juga turut memperkenalkan beberapa muka baru apabila bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Fauzi Shaari akan bertanding di Parlimen Larut, dan arkitek, Datuk Raja Baharin Raja Ahmad akan bertanding di Kuala Terengganu, serta penyanyi,

Wan Aishah Wan Ariffin akan bertanding di Jempol.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/husam-sah-bertanding-di-putrajaya-dalam-usaha-meroboh-kubu-kuat-bn/>